

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Pengerusi Majlis

**YBhg. Prof. Dato' Sri Syed Arabi Idid Abdullah Idid
Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

Timbalan-timbalan Rektor

Dekan-dekan Kuliah

Ahli-ahli BAKTI yang di kasihi

Pegawai-pegawai PERMATA

Tenaga Pendidik Taska UIAM Educare PERMATA

Para Pelajar

Wakil-wakil Media

Tuan-tuan dan puan-puan yang di hormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Sebagai pembuka kata marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan kurniaNya dapat memungkinkan kita semua hadir ke majlis yang sungguh bermakna pada petang yang mulia ini.

2. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), khususnya kepada YBhg. Prof. Dato' Sri Syed Arabi Idid Abdullah Idid, Rektor UIAM di atas kesudiannya untuk menganjurkan majlis pada petang ini walaupun dalam masa yang begitu singkat. Saya di fahamkan majlis ini merangkumi dua tujuan utama iaitu Penyerahan Cek Sumbangan Pendidikan BAKTI dan Pelancaran TASKA UIAM Educare PERMATA.

Para hadirin yang di hormati sekalian,

3. Mungkin ada di antara para hadirin sekalian khususnya para pelajar yang masih belum mengenali BAKTI. Dari itu, izinkan saya memperkenalkannya. BAKTI adalah ringkasan nama bagi Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri yang di tubuhkan sejak tahun 1977, bertujuan untuk mencurahkan bakti kepada masyarakat yang kurang bernasib baik termasuklah orang kurang upaya, pesakit-pesakit kronik serta wanita dan kanak-kanak yang menghadapi masalah sosial. Sehubungan dengan ini, BAKTI telah melaksanakan pelbagai

program untuk di manfaatkan oleh kumpulan sasar meliputi aktiviti kebajikan, pendidikan, sukan dan sosial.

4. Salah satu program BAKTI yang amat dekat di hati kami ialah Program Pendidikan BAKTI yang memberikan sokongan pendidikan untuk pelajar-pelajar miskin melalui program Anak Angkat dan Program Dermasiswa kepada pelajar-pelajar Tingkatan 4 dan 6 rendah. Sepanjang tahun 2009 sehingga Oktober, BAKTI telah menyalurkan sumbangan dermasiswa berjumlah RM 1.17 juta.

5. BAKTI juga pada suatu ketika dulu pernah membantu pelajar-pelajar di Universiti awam di Malaysia dengan sumbangan sebanyak RM 50,000 kepada setiap Universiti awam. Namun demikian, sumbangan ini telah di berhentikan apabila PTPTN di wujudkan oleh kerajaan. Dengan mengambil kira situasi ekonomi masa kini, BAKTI telah mewujudkan semula program sumbangan kepada pelajar-pelajar universiti. Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan Institusi Pengajian Tinggi pertama yang telah menerima sumbangan sebanyak RM 10,000 dan kini adalah giliran UIAM pula.

6. Walaupun sumbangan ini tidaklah sebegitu banyak, namun apa yang penting ianya melambangkan keprihatinan BAKTI terhadap keperluan golongan mahasiswa dan mahasiswi. Adalah menjadi harapan kami agar sumbangan ini dapat menokok tambah, bagi memenuhi keperluan mereka. Bagi kami Ahli-ahli BAKTI apa yang lebih penting adalah kesediaan kami untuk turun padang bagi bertemu, bermesra dan berkenalan dengan para pelajar UIAM sekalian. Walaupun saya dimaklumkan bahawa ini adalah minggu peperiksaan, namun kesanggupan para pelajar untuk turut serta di majlis pada petang ini sangat membanggakan.

Para hadirin sekalian,

7. BAKTI amat prihatin bahawa pembangunan modal insan adalah merupakan agenda teras kepada kejayaan bangsa dan negara. Dalam hal ini, dunia pendidikan sememangnya menjadi komponen utama yang akan menunjang kejayaan hasrat tersebut. Ilmu dan pendidikan menjadi landasan kepada proses lengkap bagi membentuk modal insan yang berpengetahuan, berakhlak, berkemahiran dan berdaya saing.

8. Pendidikan juga adalah wahana terbaik kepada mobiliti sosial. Ia akan dapat mengubah nasib keluarga yang kurang berada ke tahap yang lebih baik. Ini bermakna seorang anak pekebun, nelayan, petani, penoreh getah, peneroka mahupun buruh yang berpeluang belajar di Institusi Pengajian Tinggi akhirnya berjaya menjadi seorang tenaga profesional. Dengan yang demikian, nasihat saya kepada para pelajar sekalian agar hendaklah sentiasa komited dan tabah dalam menempuh sebarang cabaran pembelajaran sekiranya ingin berjaya. Apa yang akan membezakan kejayaan dan kegagalan adalah sikap dan kesungguhan untuk berusaha.

9. Para pelajar harus sedar bahawa pembangunan modal insan yang berkualiti menjadi semakin penting dan relevan dalam era globalisasi. Dari itu, para pelajar perlulah sentiasa memenuhi ilmu di dada, ini kerana era dunia kini adalah era peperangan minda. Siapa yang hebat penguasaan mindanya adalah juara dan yang lemah akan ketinggalan. Sir Wiston Churchil pernah berkata "The empires of the future are the empires of the mind" atau empayar pada masa

depan adalah empayar minda. Ini bermakna para pelajar perlukan kekuatan minda dan ilmu untuk menguasai diri sendiri dan bertarung secara intelek untuk memastikan negara tercinta ini dapat terus bersaing di medan antarabangsa pada masa hadapan. Di samping itu, para pelajar wajib sedar tentang betapa tingginya harapan ibu bapa untuk di tunaikan. Kenanglah jasa dan pengorbanan ibu bapa demi melihat anak-anak semua berjaya. Begitu juga, amanah bangsa dan negara agar para pelajar semua mencapai kecemerlangan di bidang pelajaran.

10. Perlulah juga diingatkan fokus utama para pelajar sekalian ialah untuk menggenggam segulung ijazah. Bagi mencapai hasrat ini, para pelajar perlu menumpukan masa sepenuhnya kepada penimbaan ilmu dan jadikanlah amalan-amalan yang baik dan nilai-nilai murni sebagai budaya hidup. Janganlah sesekali mudah terpedaya dengan sebarang anasir negatif dan tidak sihat yang akan mengganggu pegangan dan amalan hidup yang baik dan beretika ini.

Para hadirin sekalian,

11. Tidak dapat di nafikan mahasiswa dan mahasiswi adalah modal insan yang menjadi cerminan masa depan negara. Dari itu, mereka perlu berusaha mencipta Malaysia yang benar-benar meraikan warisan kepelbagaian. Dalam hal ini, sikap bertoleransi terhadap kepelbagaian sahaja adalah tidak mencukupi. Sebaliknya kita perlu menerima hakikat kepelbagaian yang sedia wujud di negara tercinta ini dan menganggapnya sebagai satu aset yang amat berharga.

12. Dalam konteks ini, universiti haruslah berada di barisan hadapan dalam usaha mengukuhkan perpaduan kerana tanpa perpaduan yang utuh kita akan menghadapi masa depan yang kelam. Apa yang telah kita kendong mungkin keciciran manakala apa yang dikejar tidak mungkin kita capai. Inilah yang ingin disarankan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sebagai gagasan 1Malaysia. Sesungguhnya matlamat akhir 1Malaysia ialah perpaduan nasional. Kemajmukan yang wujud di kalangan masyarakat kita adalah realiti yang harus diterima dan menjadikannya sebagai platform untuk mencapai kejayaan demi kejayaan.

Para hadirin yang di hormati sekalian,

13. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di awal tadi, majlis pada petang ini juga adalah bagi saya merasmikan Pelancaran Taska UIAM Educare PERMATA. Saya di fahamkan Taska ini telah mula beroperasi pada tahun 1995, di kampus UIAM di Petaling Jaya. Bermula dengan hanya 60 orang kanak-kanak sahaja Taska Educare kini mempunyai 630 orang kanak-kanak meliputi kanak-kanak tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, ianya mempunyai bangunan tersendiri di kampus Gombak ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak pengurusan UIAM di atas keprihatinan terhadap pentingnya modal insan yang bermula dari kanak-kanak.

14. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Taska UIAM Educare di atas kesediaan, komitmen dan minat mereka untuk menerima pakai kurikulum PERMATA sekali gus menamakan Taska mereka sebagai Educare PERMATA. Sehubungan itu, bagi tujuan memastikan Taska Educare UIAM ini dapat mengguna pakai kurikulum PERMATA dengan lebih berkesan, sebanyak RM 663, 345 telah pun diperuntukkan bagi tujuan menaik taraf kemudahan pembelajaran luaran dan pembelian peralatan pembelajaran di kedua-dua kampus UIAM di Petaling Jaya dan Gombak. Di samping itu, tenaga pendidik Taska Educare ini juga

telah diberikan latihan Kursus Asas PERMATA selama 4 minggu. Ini bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pendidik supaya mereka dapat melaksanakan pemakaian kurikulum PERMATA dengan lebih baik dan berkesan. Usaha ini membuktikan komitmen kerajaan dalam menyediakan pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak yang lebih berkualiti dan menyeluruh.

Para hadirin sekalian,

15. Sebagai akhir kata, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada UIAM di bawah pimpinan YBhg. Prof. Dato' Sri Dr. Syed Arabi Idid dan seluruh warga UIAM serta mahasiswa dan mahasiswi bagi sama-sama menjayakan majlis pada petang ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak pengurusan Taska UIAM Educare PERMATA di atas minat untuk menerima pakai kurikulum PERMATA. Kepada para pelajar, "Good Luck" dalam peperiksaan dan kami Ahli-ahli BAKTI mendoakan agar semuanya mencapai kejayaan. InsyaAllah.

Seterusnya, dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini secara rasminya melancarkan Taska UIAM Educare PERMATA.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.